

IQRA

PTAR



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 02/2018 | Februari | www.library.uitm.edu.my



AMANAT

Ketua Pustakawan UiTM 2018



ISO 9001 : 2008 No Sijil : KLR 0500212

Hak Cipta Terpelihara
@PTAR



library.uitm



ptaruitm



perpustakaanuitm

AMANAT KETUA PUSTAKAWAN UiTM 2018

Oleh: Aznur Umiza Abu Kassim



Majlis Amanat Ketua Pustakawan telah diadakan secara telesidang dengan 13 kampus Perpustakaan UiTM di seluruh negara pada 5 Februari 2018 di Bilik Seminar, PTAR. Lonjakan Perkhidmatan Perpustakaan merupakan tema yang telah dipilih pada tahun ini dengan menggariskan sebanyak 5 Teras Utama beserta 19 Petunjuk Prestasi. Harapan Ketua Pustakawan pada tahun ini agar semua staf perpustakaan menghayati tiga kunci kejayaan iaitu Budaya Kerja Berpasukan, Minda Kelas Pertama dan A.K.C (Accountability, Knowledge dan Commitment)

The poster features a purple background with a circular graphic on the left. At the top left, it says "UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA" and "PTAR SOARING UPWARDS". The main title is "AMANAT KETUA PUSTAKAWAN 2018" in large, stylized yellow and white letters. Below the title, it reads "LONJAKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN". A circular inset photo shows a man in a suit writing. At the bottom, it lists the date and time: "5 FEBRUARI 2018 (ISNIN) 9.30 PAGI BILIK SEMINAR, PTAR UTAMA". Social media links for Facebook, Twitter, and Blogger are provided at the bottom. The logo "usaha TAKWA. milia" is in the bottom left corner.



LAWATAN ANTARABANGSA DARI INSTITUTE OF PUBLIC ENTERPRISE (IPE) HYDERABAD, INDIA



Tarikh: 20 Februari 2018

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR Utama) telah menerima kunjungan lawatan Delegates from Institute of Public Enterprise, (IPE) Hyderabad, India.

PAMERAN QR CODE

Oleh: Adlina Abdullah




Pameran di Galeri PTAR untuk sepanjang Februari 2018 ini adalah berkenaan dengan QR Code. Ia adalah sejajar dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya semua UA dijadikan Kampus Pintar menjelang Jun 2018.

Objektif utama pameran adalah untuk mempromosikan penggunaan QR Code @ PTAR. Antara intipati pameran Februari 2018 adalah:

1. Poster Wall of QR Code @ PTAR
2. How to install QR Code
3. Evolusi QR Code @ PTAR
4. Penggunaan QR Code di Perpustakaan
5. Sekitar Penggunaan QR Code di Asia

Pameran Februari 2018 berlangsung sepanjang Februari 2018. Semoga dengan pameran ini dapat mempromosikan penggunaan QR Code.



BENGKEL PEMURNIAN MOOCS@PTAR

Oleh: Adlina Abdullah



Peserta yang terlibat merupakan peserta yang telah mengikuti pra bengkel MOOCS@PTAR yang lepas. Pada hari pertama (20hb. Februari 2018), bengkel lebih tertumpu kepada proses akhir penyediaan bagi (5) lima modul yang telah dipertanggungjawabkan kepada setiap ketua berdasarkan kepada modul yang telah ditetapkan. Manakala hari kedua (21hb. Februari 2018) merupakan hari kemuncak di mana (5) lima modul MOOCS@PTAR akan dibentangkan kepada penceramah jemputan iaitu Ybhg. Prof Dato' Mohamed Amin Embi bagi memberi komen dan juga penambahbaikan bagi memastikan setiap modul MOOCS@PTAR yang telah dibuat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Di akhir bengkel penceramah telah memberi pujian kepada pihak perpustakaan khususnya PTAR kerana dapat menghasilkan MOOCS, yang mana ianya merupakan organisasi yang pertama yang bukan daripada bidang akademik. Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan mengucapkan terima kasih kepada Ybhg Prof Dato' Mohamed Amin Embi kerana sudi memberi tunjuk ajar dalam penyediaan MOOCS@PTAR, dan tidak dilupakan juga kepada Jawatankuasa Induk MOOCS@PTAR yang tutur sama memberi komitmen dalam penyediaan modul tersebut.



PERBINCANGAN DAN LAWATAN TAPAK PROGRAM CSR 2018

Oleh: Asmahani Abdullah



Penglibatan:

1. Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu
 - Encik Shahrol Nizam bin Johol
 - Encik Md. Kamil bin Ibrahim
 - Cik Asmahani Abdullah
 - Encik Nik Ahmad Kamal Nik Wadi
2. Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu
 - Encik Badru Hishan bin Mohd Zin
3. SMK Ketengah Jaya
 - Pengetua dan Guru Perpustakaan & Media
4. SK Ladang Gajah Mati
 - Penolong Kanan 1 dan Guru Perpustakaan & Media

Objektif:

1. Mengadakan perbincangan dan lawatan ke sekolah yang mewakili negeri Terengganu dalam Anugerah Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan (APSSK) 2018. Penilaian APSSK dijangka akan dijalankan pada Mei 2018.
2. Menawarkan khidmat nasihat dan rundingan, serta bantuan tenaga kerja bagi persiapan ke arah mewujudkan perpustakaan alaf ke-21.
3. Mewujudkan jalinan dan jaringan kerjasama dengan Jabatan luar dalam memperkasakan ilmu pengetahuan.



KUNJUNGAN LAWATAN REKTOR BAHARU UiTM CAWANGAN KEDAH KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH (PSB)

Oleh: Adlina Abdullah



Selamat datang dan tahniah kepada YBhg. Prof Madya Dr. Shaiful Annuar Khalid atas lantikan sebagai Rektor baharu UiTM Cawangan Kedah, berkuatkuasa 1 Januari 2018. Pihak Perpustakaan berbesar hati menerima kunjungan lawatan Y.Bhg. Rektor ke Perpustakaan. Kunjungan lawatan beliau telah bermula pada pukul 2 petang dan disambut oleh semua kakitangan PSB. Di dalam sesi lawatan ini, Ketua Perpustakaan telah memberi taklimat ringkas dan membawa beliau melihat suasana dan persekitaran Perpustakaan. Pihak Perpustakaan juga berkesempatan untuk duduk bersama-sama beliau dan berbincang mengenai hal ehwal Perpustakaan. Kunjungan lawatan ini telah tamat pada pukul 4.00 petang.



PEMBENTANGAN INISIATIF DIGITAL PUITM CAWANGAN MELAKA DI MESYUARAT PENGURUSAN EKSEKUTIF (MJEN)

Oleh: Hazlin Ibrahim Khan



Selari dengan perkembangan semasa IR4.0 dan matlamat PTAR, UiTM Shah Alam yang bertemakan Lonjakan Perkhidmatan Perpustakaan bagi tahun 2018, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka turut mengambil langkah dalam membentangkan sekaligus mempromosikan penggunaan perkhidmatan digital perpustakaan kepada pihak pengurusan tertinggi kampus. Intipati pembentangan adalah berkaitan Campus Digital, e-Wallet, PTAR Mobile Apps, QR Code, Online Video Guide, Online Video Guide dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, Rektor berpuas hati dan gembira dengan inisiatif yang telah diambil, sedang dan akan diambil kelak. Terdapat juga beberapa kelebihan yang Perpustakaan ada perlu diikuti oleh bahagian/fakulti di UiTM Cawangan Melaka. Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka akan terus berusaha bagi memastikan seiring dengan keperluan semasa dan terus kekal relevan.



NEW REVOLUTION QR CODE @ UiTM MELAKA LIBRARY

NEW REVOLUTION QR CODES @ UiTM MELAKA LIBRARY

TEAM BUILDING : 1 TEAM 1 SOUND 1 VOICE

Oleh: Rosnita Bt. Ja'afar




Perpustakaan Al Bukhari telah berjaya menjalankan **Team Building : 1 Team 1 Sound 1 Voice** pada di Program bertujuan untuk memantapkan lagi staf Perpustakaan Al-Bukhari agar mampu meningkatkan kualiti jati diri dan tanggungjawab berpasukan dalam melaksanakan perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan Al-Bukhari dan amnya UiTM Cawangan Pahang. Program turut sama disertai oleh staf dari Unit Hal Ehwal Islam yang turut sentiasa bersama kami dalam melaksanakan aktiviti ceramah dan tazkirah iaitu Ustaz Abu Afa, Ustaz Faridzul Amri, Ustazah Siti Yuhanis Suhani, Ustazah Arina Saffiee dan puan Sharifah Ismail yang memeriahkan lagi program ini.



BENKEL 'REFRESH YOUR CATALOGING SKILLS'

Oleh: Rosnita Bt. Ja'afar



Tarikh: 22 Feb 2018.

Lokasi: Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang

Penceramah: Cik Nurfarawahidah Badruesham

Objektif bengkel:

- Meningkatkan kemahiran pengkatalogan dan pengkelasan mengikut standard Resources Description Access (RDA)
- Menambah dan memantapkan lagi kecekapan semasa membuat proses pengkatalogan dan pengkelasan
- Meningkatkan kualiti rekod Perpustakaan UiTM agar memenuhi piawaian antarabangsa



PAMERAN QR CODE

Oleh: Adlina Abdullah




Pameran di Galeri PTAR untuk sepanjang Februari 2018 ini adalah berkenaan dengan QR Code. Ia adalah sejajar dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya semua UA dijadikan Kampus Pintar menjelang Jun 2018.

Objektif utama pameran adalah untuk mempromosikan penggunaan QR Code @ PTAR. Antara intipati pameran Februari 2018 adalah:

1. Poster Wall of QR Code @ PTAR
2. How to install QR Code
3. Evolusi QR Code @ PTAR
4. Penggunaan QR Code di Perpustakaan
5. Sekitar Penggunaan QR Code di Asia

Pameran Februari 2018 berlangsung sepanjang Februari 2018. Semoga dengan pameran ini dapat mempromosikan penggunaan QR Code.



LAWATAN PENANDAARASAN SMART CLASSROOM DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Oleh: Adlina Abdullah



Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi (BPPK), Bahagian Penyelidikan dan Rujukan (BPR) dan Bahagian Inisiatif Perpustakaan Digital (BIPD) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. Lawatan yang melibatkan seramai empat orang kakitangan terdiri daripada Encik Jamalludin Sulaiman (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan), Encik Ahmad Amiri Mohamad (Timbalan Ketua Pustakawan), Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir (Pustakawan Kanan) dan Encik Mohamad Zurairi Abu Hassan (Penolong Pegawai Sistem Maklumat).



Melihat dan memahami konsep Smart Classroom dengan lebih jelas sebagaimana yang telah dipraktikkan dan juga melihat penggunaan dan teknologi Smart Classroom di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Secara keseluruhannya, staf terlibat berpuas hati dengan lawatan ini yang disifatkan berjaya mencapai matlamatnya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ketua Jabatan Dr. Jessnor Elmy binti Mat Jizat, Ketua Jabatan Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi dan seluruh kakitangan fakulti di atas kerjasama yang telah diberikan.

PTAR BERJAYA MENERIMA PENSIJILAN ISO 9001:2015

Oleh: Nurul Aida Noor Azizi



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah berjaya menerima pensijilan ISO 9001: 2015 pada 02 Mac 2018. Kejayaan ini diperolehi selepas PTAR berjaya melepasi audit pembaharuan pensijilan ISO 9001: 2008 dan seterusnya audit kesediaan kepada peralihan ISO 9001: 2015 dengan pengiktirafan audit bersih.

Audit selama 4 hari bermula pada 27 Februari 2018 sehingga 02 Mac 2018 telah melibatkan beberapa lokasi perpustakaan iaitu Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama, Perpustakaan Undang-Undang Tun Abdul Razak, PTAR Kampus Puncak Alam dan PTAR Kampus Puncak Perdana. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dan adalah diharapkan pengiktirafan tersebut akan dapat dikekalkan dan semua pihak harus bersama-sama melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan piawaian baru ISO 9001: 2015



PELANCARAN PERPUSTAKAAN DIGITAL PTAR UITM CAWANGAN SABAH

Oleh: Rosnita Bt. Ja'afar



Pelancaran Perpustakaan Digital PTAR UiTM Cawangan Sabah yang telah di sempurnakan oleh YBhg. Assoc. Prof. Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline, Rektor UiTM Cawangan Sabah pada 15 Februari 2018 bertempat di Dewan Mustapha, Ujana Sarjana. Pelancaran ini di buat selepas Amanat Tahun Baharu Rektor Tahun 2018.



Kunjungan Hormat Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah



Seramai 4 orang staf PTAR UiTM Sabah yang di ketuai oleh Encik Romi Rampun, Timbalan Ketua Pustakawan membuat Kunjungan Hormat Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah En. Wong Vui Yin pada 06 Februari 2018 (Selasa) di Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah. Kunjungan ini bertujuan berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan fumigasi bahan yang di sediakan oleh PTAR UiTM Sabah dengan menggunakan mesin Biomaster BM-60AC.



MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA TETAP KUMPULAN PERPUSTAKAAN PERUBATAN (MEDICAL LIBRARIES GROUP -MLG) Bil. 01/2018



Jawatankuasa ini diwujudkan bagi menjalinkan kerjasama dan komunikasi dalam kalangan perpustakaan perubatan di Malaysia. Ia diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun bagi membincangkan hal-hal berkaitan pembangunan dan perkhidmatan Perpustakaan Perubatan di Malaysia.

Fungsi Jawatankuasa:

1. Merancang dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan latihan, seminar serta lawatan sambil belajar bagi mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang kepustakawan perubatan.
2. Mengukuhkan perkongsian sumber maklumat (resource-sharing) dalam kalangan ahli serta mewujudkan kerjasama dengan MOLEC (Malaysian Online E-Resources Consortium) bagi pangkalan data, perolehan dan analisa penggunaan dalam bidang perubatan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pn. Norhasyimah Mustapa (UIAM) ini juga diselitikan dengan sesi demo produk oleh Ms Winnie Lim daripada Marry Ann Liebert, Inc Publishers dan juga sesi lawatan ke perpustakaan Kampus Sungai Buloh di aras 2 dan 3, Bangunan Akademik.

Tarikh: 5hb Februari 2018 (Isnin)

Lokasi: Bilik mesyuarat, Pejabat Rektor, UiTM Kampus Sungai Buloh

Dihadiri: Ahli jawatankuasa tetap daripada pelbagai institusi seperti PPUKM, USM, CUCMS, IMR, KKM, MSU, NUMed, Perdana University, Taylor's University, UIAM, UM, UMS, UNIMAS, UPM, dan UPNM

LAWATAN PENANDARAAN PERPUSTAKAAN AL-GHAZALI KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM), BANGI



Tarikh : 21 Februari 2018
Masa: 10.00 pagi

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR Utama) telah menerima kunjungan lawatan penandaarasan dan perbincangan mengenai Electronic Question Paper System (EQPS) dari Perpustakaan Al-Ghazali Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Bangi. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau penggunaan dan pelaksanaan EQPS di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM.

KURSUS AUDIT KUALITI DALAMAN ISO 9001:2015



Tarikh: 1-2 Februari 2018 (Khamis-Jumaat)

Masa: 9.00 pagi – 5.00 petang

Tempat: Bilik Seminar, PTAR 1, UiTM Shah Alam

Peserta: 40 orang staf yang terdiri daripada staf Pengurusan dan Profesional Gred S41 dan S44

Penceramah: Total Organization Management Consulting (TOMC)

LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH



**Sekolah: SMK Tengku Laksamana,
Alor Setar, Kedah**

**Tarikh: 1/02/2018 (Selasa)
Masa: 11.00 pagi
Jumlah: 38 (Pelajar)
7 (Guru Pengiring)**

KURSUS KEPIMPINAN PENGAWAS SEKOLAH KEBANGSAAN PANGKAL GONG



Tarikh : 10 Februari 2018

**Lokasi : Sekolah Kebangsaan Pangkal Gong, Pulau
Chondong, Kelantan**

Masa: 9.00 pagi – 4.00 petang

OBJEKTIF :

1. Melatih dan memberikan pendedahan kepada pengawas mengenai pelaksanaan bidang tugas
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran
3. Penerapan dan pengukuhan nilai – nilai murni serta keterampilan diri
4. Boleh bekerja dalam pasukan

MESYUARAT JAWATANKUASA PERPUSTAKAAN NEGERI (JPPN) BIL.1/2018



Tarikh: 28 Februari 2018

Lokasi: Bilik Mesyuarat Pentadbiran UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Dipengerusikan oleh: YBhg. Prof Dr. Nasrudin Mohammed,
Rektor UiTM Cawangan, Negeri Sembilan

PROGRAM MANTAP & CERGAS STAF PERPUSTAKAAN



Tarikh: 13 Febuari 2018

Lokasi: Pusat Gimnasium UiTM Cawangan Pahang.

Program Kerjasama: Perpustakaan Al-Bukhari UiTM,
Cawangan Pahang dengan kerjasama Fakulti Sains Sukan

AKTIVITI 5S PERPUSTAKAAN



Tarikh: 23 Februari 2018

Semua staf juga terlibat memastikan '*shelf reading*' dibuat di atas rak masing-masing supaya tiada buku tersalah rak. Ini bagi memastikan pencarian bahan di rak menjadi lebih mudah dan lancar oleh pengguna.

AVOIDING PLAGIARISM, A GUIDE FOR STUDENTS




Tarikh: Januari – April 2018 (3 kali setahun)

Tempat: Ruang Pameran Perpustakaan Tun Abdul Razak,
UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Tujuan:

Memberi pendedahan kepada pelajar tentang apa itu plagiat, penyalahgunaan teknologi maklumat untuk aktiviti plagiat, contoh plagiat dan kesan buruk plagiat dalam institusi akademik


PROFESIONALISME DALAM ISLAM



Penceramah: Ustazah Nurul Afidah Binti Awang

Pengisian: Kepentingan menjaga integriti dalam melakukan pekerjaan:

- Pekerjaan merupakan salah satu cabang ibadah dan wajib dilakukan dengan bersungguh- sungguh.
- Pekerjaan dalam islam haruslah stabil meliputi aspek rohani dan jasmani
- Pekerjaan haruslah bertepatan dengan sempadan halal dan haram yang telah diberikan oleh agama.

BICARA MINGGUAN @ PTDI

Tarikh: 08 Februari 2018, Khamis

Masa: 2.30 Petang

Tempat: Bilik Seminar PTDI 1

Penceramah: En. Abdul Halim bin Yusof, Pembantu Operasi

Tajuk: Kembar Seiras

BICARA MINGGUAN @ PTDI BIL. 1 2018

Tarikh: 15 Februari 2018, Khamis

Masa: 2.30 Petang

Tempat: Bilik Seminar PTDI 1

Penceramah: Pn. Hajah Maznah binti A. Hamid,

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Tajuk: Sultan Muhammad Al-Fateh

BICARA MINGGUAN @ PTDI BIL. 2 2018

SESI PERKONGSIAN ILMU : PENYEDIAAN STATISTIK PERPUSTAKAAN UiTM



Tarikh: 15 Februari 2018, Khamis
Masa: 10.30 Pagi
Tempat: CIMB Trading Room, PTDI 1
Penceramah: Pn. Siti Rozana binti Mat Sanat
Jumlah Peserta: 21 orang

TAZKIRAH BULANAN PTDI BIL. 2/ 2018 : MUFLIS DI AKHIRAT



Tarikh: 13 Februari 2018, Selasa
Masa: 3.00 Petang
Tempat: Bilik Seminar, PTDI 1
Penceramah: Ustaz Nazrudin bin Hashim
Tajuk: Muflis di akhirat
Jumlah Peserta: 30 orang

PROGRAM KAYUHAN SANTAI TEAM PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG



Tarikh : 25 Februari 2018 (Ahad)

Masa: 9.00 pagi

Tempat : Padang Kota, Pulau Pinang

Penyertaan: Ahli keluarga staf perpustakaan

LAWATAN DARI POLITEKNIK BETONG



Tarikh: 2 Februari 2018

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Sarawak,
Kampus Samarahan (PTAR)

Peserta: 26 orang pelajar dan pegawai pengiring dari Politeknik Betong

MAJLIS PERSARAAN PEMBANTU PEMULIHARAAN KANAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN



Tarikh dan Masa: 11 Februari 2018, Ahad (9.00 pagi hingga 1.00 tengahari)
Tempat: Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

Penerangan ringkas: Majlis ini diadakan untuk meraikan En. Zakariah Saleh, Pembantu Pemuliharaan Kanan, yang telah berkhidmat hampir 42 tahun di Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Turut hadir Puan Anuar Awang, Mantan Timbalan Ketua Pustakawan dan En. Ahmad Amiri Mohammad, Timbalan Ketua Pustakawan. Beliau mula bersara wajib 12 Februari 2018, Isnin.